



Abdul Rahman (empat dari kiri) bersama penerima sumbangan dalam program CoopCare Rezeki Ramadan Angkasa.



Abdul Rahman (kiri) ketika sesi penyerahan sumbangan barang keperluan asas kepada salah seorang penerima.

Angkasa salur barang keperluan asas BA100

CoopCare diperluas ke seluruh negara sempena Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC) 2025

Oleh **AZLEENDA SAHALUDIN SHAH ALAM**

Program CoopCare Rezeki Ramadan anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) kembali lagi tahun ini dengan menyalurkan sumbangan barangan keperluan harian menerusi inisiatif projek Barang Asas (Projek BA100).

Bantuan dalam bentuk barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula dan tepung diberikan kepada golongan asnaf, keluarga berpendapatan rendah (B40) serta petugas barisan hadapan yang kurang berkemampuan.

Anggota Lembaga Angkasa yang mewakili Presiden Angkasa, Profesor Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak

Shaik berkata, program tahunan itu bukan sekadar menyantuni mereka kurang bernasib baik, bahkan menjadi cerminan peranan koperasi dalam membantu masyarakat sejajar dengan prinsip asas gerakan kumpulan tersebut.

Menurut beliau, inisiatif tanggungjawab sosial koperasi berkenaan turut diperluaskan sepanjang tahun di seluruh negara bersempena dengan sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa 2025 dengan peruntukan menghampiri satu-juta ringgit.

“Penyerahan sumbangan barangan keperluan khas pada hari ini (Khamis) disalurkan kepada 55 orang penduduk setempat yang terdiri daripada golongan memerlukan seperti asnaf, B40, ibu tunggal dan mangsa bencana.

“Selain menyerahkan bantuan, juadah berbuka puasa turut disediakan buat mereka,” katanya ketika sesi penyerahan bantuan di Auditorium Kumpulan Karangkrif, di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam Angkasa, Datuk Shaharudin Mohd Sa’ad dan Pengurus Besar Bahagian Komunikasi

Korporat merangkap Pegawai Khas Presiden Angkasa, Halim Ibrahim.

Lebih menarik, program berkenaan turut melibatkan kerjasama dengan koperasi dan kariah masjid di setiap negeri pada tahun ini.

Katanya, penglibatan tersebut membuktikan komitmen dan semangat pihak koperasi kariah masjid bagi bersama-sama membantu serta menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan.

“Koperasi dan kariah masjid bertindak untuk menyediakan lokasi manakala Pejabat Perhubungan Angkasa negeri pula diberi peranan melaksanakan program termasuk memberi



“Inisiatif tanggungjawab sosial koperasi CoopCare Angkasa turut diperluaskan sepanjang tahun di seluruh negara bersempena dengan sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC) 2025.”

- Anggota Lembaga Angkasa, Profesor Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik

sumbangan.

“Kerjasama ini bukan sahaja memudahkan pelaksanaan program tetapi juga memberi peluang kepada koperasi dan kariah masjid untuk lebih aktif dalam aktiviti kebajikan,” tambahnya.

Mengulas lanjut mengenai CoopCare Rezeki Ramadan, Abdul Rahman berkata, program tersebut akan terus diperluaskan lagi untuk tahun-tahun berikutnya.

“Selagi ada Ramadan, kita akan terus adakan program ini. Saya berharap program ter-

sebut juga akan menjadi platform untuk menyemarakkan semangat memberi, prihatin dan berkongsi sepanjang bulan mulia ini,” katanya.

Sementara itu, sempena Ramadan, Angkasa juga menaja juadah berbuka puasa pada program Iftar Ala Madinah @ Karangkrif di Dataran Karangkrif pada Khamis.

Lebih bermakna, apabila kakitangan Angkasa telah berbuka puasa bersama-sama 1000 pengunjung yang hadir pada program itu.



“Terima kasih, harga barangan keperluan semakin meningkat dan perlu berjimat demi anak membuatkan saya sangat bersyukur dengan bantuan yang diberikan. Bantuan barangan asas seperti beras, minyak masak dan tepung ini dapatlah saya pastikan saya anak-beranak tidak terputus bekalan makanan.”

- Pekerja swasta, Habsah Ahmad, 54



Abdul Rahman (dua dari kanan) ketika sesi CoopUmrah pada Iftar Ala Madinah di Kompleks Karangkrif.